




# PELAN **Integriti** ORGANISASI (PIO)

Universiti Teknologi MARA





## Aluan Integriti Pengerusi Lembaga Pengarah

**YBhg. Tan Sri Dato' Dr  
Wan Mohd Zahid Mohd Noordin**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat menghasilkan dan menerbitkan satu naskah buku yang sangat bermakna kepada kita warga Universiti Teknologi MARA, iaitu Pelan Integriti Organisasi (PIO) Universiti Teknologi MARA.

Syabas dan tahniah kepada Naib Canselor khususnya Unit Integriti yang diletakkan di bawah tanggungjawab Naib Canselor selaku pencetus kepada penerbitan Pelan Integriti Organisasi (PIO) Universiti Teknologi MARA. Semoga usaha murni ini dapat membantu memantapkan usaha-usaha peningkatan Integriti di negara ini khususnya dan Universiti Teknologi MARA amnya.

Integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas. Integriti bukan sahaja bermakna kita perlu menjauhkan diri dari amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Konsep integriti membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh.

Integriti juga bererti sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam. Malahan kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri.

Universiti Teknologi MARA telah mempunyai Pelan Integriti Organisasi (PIO), pergunakanlah dan aplikasikanlah pelan ini untuk merangka, merancang dan melaksanakan seterusnya memantau program-program pemantapan integriti di organisasi masing-masing di Universiti Teknologi MARA.

Dengan wujudnya tahap integriti individu dan organisasi yang tinggi ianya akan berupaya menghapuskan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa seterusnya meningkatkan produktiviti organisasi.

Sekian Terima Kasih



## Tinta Integriti Naib Canselor

**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir Dr  
Sahol Hamid Abu Bakar, FASc**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1 UiTM Sentiasa Di Hatiku.

Pertamanya, sukalah saya melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya,maka dapat kita semua menerbitkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) bagi Universiti Teknologi MARA yang tercinta ini.

Tahniah dan syabas juga saya ucapkan Unit Integriti dan Jawatankuasa Teknikal Pelan Integriti Organisasi (PIO) yang telah mengambil inisiatif merangka Pelan Integriti Organisasi (PIO) bagi Universiti Teknologi MARA yang akan dijadikan sebagai dokumen rujukan utama dalam usaha-usaha yang berkaitan dengan pengukuhan amalan integriti.

Saya percaya, Pelan Integriti Organisasi (PIO) yang telah diterbikan ini adalah sebahagian dari usaha berterusan Universiti Teknologi MARA untuk membentuk dan membudayakan warga Universiti Teknologi MARA agar berintegriti dan mempunyai keutuhan peribadi yang tinggi.

Ini penting kerana dengan integriti dan keutuhan peribadi, ia boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan selari dengan seruan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan seterusnya mencapai kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Integriti ini bukan sahaja wajar menjadi amalan dan pakaian kita secara peribadi, sebaliknya mesti diamalkan oleh setiap individu daripada kita dan dalam organisasi.Hal ini penting kerana apabila kita mempunyai kesedaran, percaya serta menjadikan integriti sebagai amalan seharian, maka akan wujudlah satu persekitaran kondusif untuk pembudayaan nilai integriti dalam organisasi kita.

Saya berharap agar Pelan Integriti Organisasi dijadikan rujukan utama oleh setiap Warga UiTM bagi memacu bentuk universiti ini ke tahap yang lebih cemerlang.

Sekian Terima Kasih



## **RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN INTEGRITI ORGANISASI UiTM**

Pelan Integriti Organisasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) digubal sebagai salah satu usaha berterusan pihak UiTM bagi mengukuhkan dan membudayakan amalan integriti dalam kalangan Warga UiTM. Pelan ini dibentuk berasaskan gerakan integriti yang telah sedia ada di UiTM seperti Pelan Integriti Nasional, Budaya PERDANA UiTM, prinsip CTI-PCI dan Paradigma Tauhid Mendasari Pembangunan Insaniah.

Lima (5) pendekatan telah dikenalpasti sebagai pelan bagi mengukuhkan gerakan integriti UiTM:

- i. Pendidikan;
- ii. Penambahbaikan;
- iii. Pencegahan;
- iv. Tindakan Pengesanan dan Pemulihan;
- v. Pengiktirafan dan Penghargaan.

Diharap dengan adanya Pelan Integriti Organisasi UiTM dapat membantu membudayakan amalan nilai-nilai murni dan berintegriti di kalangan Warga UiTM.



**Isi Kandungan**  
**Pelan Integriti Organisasi (PIO), UiTM**

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	Aluan Integriti Pengerusi Lembaga Pengarah	
2.	Tinta Integriti Naib Canselor	
3.	Ringkasan Eksekutif Pelan Integriti Organisasi UiTM	
4.	Moto, Visi, Misi, Falsafah Dan Objektif UiTM	1
5.	Falsafah, Visi Dan Misi Integriti UiTM	2
6.	Dasar Integriti UiTM	2
7.	Ikrar Integriti	2
8.	Pernyataan Nilai dan Etika Warga, UiTM	3
9.	Tujuan Pelan Integriti Organisasi (PIO), UiTM	3
10.	Latar Belakang PIO UiTM	3
11.	Asas Penggubalan PIO UiTM	5
12.	Bidang Teras Pengurusan Universiti	8
13.	Pendekatan Pelan Integriti Organisasi (PIO), UiTM	9
14.	Strategi Pelan Integriti Organisasi (PIO), UiTM	10
15.	Rumusan	11
16.	Aktiviti Dan Pelan Tindakan	13



## 1. MOTO, FALSAFAH, VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### Moto

**“Usaha Takwa Mulia”**

### Falsafah

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui penjanaan dan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

### Visi

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

### Misi

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

### Objektif

- a. Menyediakan peluang maksimum kepada bumiputera untuk mengikuti program profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan.
- b. Menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendokong dasar pembangunan negara.
- c. Mewujudkan program pembangunan kemanusiaan sebagai alat menerapkan sistem nilai di kalangan masyarakat universiti.
- d. Memastikan produk UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga tempatan, malah juga bersedia berkhidmat di peringkat global.
- e. Menjadikan UiTM sebuah organisasi cemerlang yang menjamin pengurusan sumber manusia, kewangan dan harta benda yang berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat pendidikan UiTM serta memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat.



pelan Integriti organisasi

## **2. FALSAFAH, VISI DAN MISI INTEGRITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

### Falsafah Integriti UiTM

Falsafah Integriti UiTM adalah untuk menjadikan integriti sebagai teras pemikiran, perasaan dan tindakan dalam suatu budaya kerja warga UiTM melalui amalan prinsip-prinsip professional dan etika.

### Visi Integriti UiTM

Membentuk warga UiTM yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mengamalkan nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh.

### Misi Integriti UiTM

Melaksanakan objektif, strategi dan program peningkatan etika dan integriti warga UiTM bagi menepati Falsafah Integriti UiTM dan memenuhi Visi Integriti UiTM.

## **3. DASAR INTEGRITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Universiti Teknologi MARA beriltizam membudayakan pengurusan yang berintegriti dan berakauntabiliti ke arah menjadi Universiti Bertaraf Dunia.

(Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus, April 2011)

## **4. IKRAR INTEGRITI**

Kami, rakyat Malaysia yang merdeka dan berwawasan, dengan tulus dan suci hati berikrar, memantapkan dan memperkuuhkan maruah dan integriti kami, keluarga dan masyarakat, agama, bangsa dan Negara kami.

Ke arah itu, kami berikrar:

- o Mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang;
- o Mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- o Mempertingkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika;
- o Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan tidak berintegriti;
- o Menyokong dan bekerjasama bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggugat integriti masyarakat dan Negara; dan
- o Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.

(Universiti Teknologi MARA, Lafazkan Ikrar Integriti Malaysia, 1 April 2014)



## 5. PERNYATAAN NILAI DAN ETIKA WARGA, UiTM

Kepercayaan yang mendorong tanggungjawab dan tingkah laku warga untuk memberikan citra warga UiTM dalam sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

(Nilai dan Etika Warga UiTM, 21 Disember 2011)

## 6. TUJUAN PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO), UiTM

Pelan Integriti Organisasi (PIO), Universiti Teknologi MARA adalah bertujuan untuk:

- i. Menyediakan rangka kerja untuk membina budaya integriti dalam Universiti Teknologi MARA melalui pelaksanaan objektif yang berkaitan dengan strategi dan program ; dan
- ii. Menjadi dokumen rujukan utama dalam pelaksanaan tindakan kerja kepada aktiviti pengukuhan Integriti.

## 7. LATAR BELAKANG PIO UiTM

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan pada 23 April 2004 oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima, sebagai sebuah pelan tindakan bagi meningkatkan dan memperkuuhkan integriti dan nilai-nilai etika di kalangan warga Malaysia.

Penggubalannya adalah selaras dengan aspirasi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur".

Berdasarkan Pelan Integriti Nasional (PIN), pelaksanaan agenda integriti negara telah digubal dengan tujuan untuk menggalakkan dan mengira etika dan budaya integriti seluruh masyarakat Malaysia. Rancangan tersebut untuk semua sektor, sama ada, parti awam swasta politik, institusi agama, kesatuan sekerja, NGO dan kumpulan-kumpulan lain untuk meningkatkan pemahaman masing-masing dan berikrar untuk mematuhi dan melaksanakan integriti dalam operasi masing-masing.

### a. Integriti

Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait



## **pelan Integriti organisasi**

erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-harian.

### **b. Integriti Individu**

Integriti individu ialah keselarasan di antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan di antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Apa yang dilakukan individu itu pula cepat, tepat dan bermutu. Apabila dia bertindak atau bertingkah laku demikian secara konsisten dalam pelbagai segi, dia dikatakan mempunyai integriti. Apabila bertindak sebaliknya, dia dikatakan tidak berintegriti atau lemah integritinya.

### **c. Integriti Organisasi**

Selain individu, organisasi juga mesti mempunyai integriti. Integriti organisasi tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

### **d. Integriti Penjawat Awam**

Bagi individu yang memegang amanah seperti mereka yang menjawat jawatan awam, integriti bermaksud melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kehendak umum. Penjawat jawatan itu tidak boleh menggunakan kuasanya untuk kepentingan diri, keluarga, saudara mara atau kaum kerabat sendiri. Apabila berlaku konflik kepentingan, ia mesti diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Dengan demikian penjawat itu perlu telus dan tulus, harus memikul pertanggungjawaban terhadap ketuanya, orang di bawahnya dan kepada pihak lain.

(Pelan Integriti Nasional; muka surat 18)

Oleh itu, bagi meneruskan kesinambungan usaha kerajaan ini, Universiti Teknologi MARA telah merangka satu Pelan Integriti Organisasi (PIO) bagi tempoh dua (2) tahun melalui pelaksanaan tugas, program dan aktiviti di Jabatan, Bahagian, Fakulti, Universiti Negeri, Kampus, Pusat dan Unit di bawahnya yang bertujuan untuk memantapkan integriti warga Universiti Teknologi MARA.

## **8. ASAS PENGGUBALAN PIO UiTM**

PIO UiTM digubal bersumberkan Pelan Integriti Nasional (PIN), konsep Budaya PERDANA UiTM, prinsip CTI-PCI dan Paradigma Tauhid Mendasari Pembangunan Insaniah.



**a. Budaya PERDANA UiTM**

Budaya PERDANA UiTM telah dilancarkan pada 09 Disember 2009. Penyataan semula serta program pencernaan Budaya PERDANA UiTM telah disempurnakan oleh pihak pengurusan pada 09 April 2010 bagi tempoh lima (5) tahun sehingga 2015.

Gagasan Budaya PERDANA UiTM adalah amalan warga terhadap nilai dan etika UiTM berdasarkan tujuh (7) prinsip PERDANA (Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah Adil dan Integriti, Nilai Tambah dan Kelainan, Arif dan Berilmu) yang mendasari konsep Budaya Kerja Kelas Pertama sebagai insan yang berihsan.

Objektifnya adalah untuk melahirkan warga UiTM sesuai dengan Model Pentadbir Universiti yang mampu melestarikan dan memacu kegemilangan UiTM.

Budaya PERDANA UiTM ini akan menjadi pendorong untuk membentuk tujuh (7) personaliti warga UiTM berikut:

- i. Warga UiTM ialah seorang yang bermotivasi tinggi dan suka bersaing dalam mencapai sesuatu matlamat. Tidak mudah berputus asa dalam melakukan sesuatu perkara. Akan memastikan supaya sentiasa ada peningkatan pada diri sendiri dan kerjaya.
- ii. Warga UiTM mempunyai ketahanan dari segi fizikal, mental dan emosi yang tinggi. Akan menghabiskan semua tugas-tugas yang dimulakan dan tidak akan berhenti separuh jalan. Sangat bermotivasi dalam melakukan sesuatu. Tidak mudah mengalah walaupun melakukan perkara yang sukar.
- iii. Warga UiTM ialah seorang yang sensitif pada persekitaran, orang lain dan diri sendiri mahupun situasi. Merupakan individu yang suka memerhati dan menyelidik. Amat menitik beratkan pelbagai aspek dalam membuat keputusan dan kesimpulan terhadap sesuatu perkara.
- iv. Warga UiTM ialah seorang yang asertif atau mempunyai ketegasan diri. Individu ini mampu menegakkan hak mereka dan menyuarakan pendapat mereka kepada orang lain. Namun begitu, pada masa yang sama, mereka juga menjaga perasaan dan menghormati pendapat orang lain serta boleh diajak berunding.



## *pelan Integriti organisasi*

- v. Warga UiTM dapat menghayati situasi-situasi yang dapat memberikannya peluang untuk mendapat pengalaman-pengalaman baru. Individu suka pada perubahan dan selalunya suka mencuba perkara-perkara baru. Merupakan seorang yang sukakan cabaran. Mudah menyesuaikan diri dengan perubahan mahupun suasana baru.
- vi. Warga UiTM ialah seorang yang sukakan aktiviti yang memberi cabaran dari segi intelektual. Individu merasa puas dengan aktiviti-aktiviti keilmuan namun tidak suka dengan aktiviti yang berulang-ulang. Individu suka memikirkan alternatif yang pelbagai untuk menyelesaikan atau melakukan sesuatu perkara.
- vii. Warga UiTM ialah seorang yang mempunyai keinginan untuk mencurah simpati, kasih sayang, memberi bantuan serta membuat kebajikan dan kebaikan kepada orang lain. Sangat suka membantu orang lain. Prihatin terhadap keadaan orang lain. Kadangkala sanggup menyusahkan diri sendiri untuk membantu orang lain.

### **b. Cepat, Tepat, Integriti – Productivity, Creativity, Innovation (CTI-PCI)**

Pendekatan CTI-PCI adalah didorong oleh keazaman Kerajaan untuk memastikan kelangsungan agenda transformasi negara bagi memastikan pencapaian yang lebih memberangsangkan. Dalam memperkasakan komitmen warga UiTM untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik, UiTM telah menerapkan enam (6) prinsip utama yang diperkenalkan oleh Kerajaan iaitu CTI-PCI. Akronim untuk CTI adalah Cepat, Tepat dan Integriti, manakala PCI merujuk kepada Productivity, Creativity and Innovation di mana perlu dihayati dan dibudayakan oleh setiap warga UiTM melalui Budaya PERDANA.


CTI memastikan budaya kesegeraan dan ketepatan yang berasaskan keutuhan integriti dijadikan pra-syarat penting dalam usaha meletakkan penanda aras baharu kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Manakala kreativiti dan inovasi berupaya melebarkan horizon pemikiran ke arah mencabar status quo, menolak pemikiran yang konvensional dan merealitikan kemustahilan. Justeru produktiviti yang dipacu oleh prinsip kreativiti dan inovasi mampu memberi nilai tambah yang tinggi dalam perkhidmatan yang diberikan.

Kesetaraan di antara CTI-PCI dengan Budaya PERDANA UiTM dapat dilihat pada rajah yang berikut :-



## Kesetaraan CTI-PCI dengan BUDAYA PERDANA UiTM

# KESETARAAN



### c. Paradigma Tauhid Mendasari Pembangunan Insaniah

Paradigma Tauhid Mendasari Pembangunan Insaniah merupakan kesinambungan daripada gerakan Budaya PERDANA UiTM yang mana tumpuannya adalah untuk mengukuhkan kefahaman Warga UiTM bahawa dengan amalan dan kepercayaan yang berpaksikan Allah, hakikat kejadian insan, fitrah manusia, amanah dan matlamat kehidupan sebagai insan dan pekerja yang seimbang berteraskan tauhid.

Penghayatan terhadap paradigma tauhid akan mewujudkan satu kekuatan yang mana sebagai pemegang amanah, para pentadbir mestilah yakin terhadap prinsip yang ditunjangi oleh tiga komponen utama iaitu iman, ilmu dan amal.


Justeru itu, konsep paradigma tauhid adalah salah satu inisiatif dalam Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar supaya kelestarian pentadbiran universiti dapat dicapai bagi membolehkan warga UiTM menabur bakti dan memberi perkhidmatan yang ikhlas serta terbaik kepada UiTM, lantas menjadi paksi ke arah kecemerlangan universiti.

Pemahaman terhadap Paradigma Tauhid ini akan dapat membantu para pentadbir UiTM menghadapi dan memenuhi semua tuntutan



## pelan Integriti organisasi

dan tanggungjawab yang semakin mencabar dengan lebih tenang,ikhlas dan jujur, di samping menyedari bahawa setiap kejayaan peribadi mahupun kerjaya dalam kehidupan setiap individu di bumi Allah ini adalah semata-mata untuk mendapatkan keredhaanNya, di dunia mahupun di akhirat



Adaptasi dari Agenda Budaya PERDANA, BPQ, BPD Keluaran 3 (Pindaan 1), 2009

## 9. BIDANG TERAS PENGURUSAN UNIVERSITI

PIO UiTM digubal bersumberkan PIN, konsep Budaya PERDANA UiTM berserta CTI-PCI dan Paradigma Tauhid Mendasari Pembangunan Insaniah, matlamat utama (outcomes) PIO UiTM pula adalah menjurus ke arah untuk mempertingkatkan integriti dan kualiti tadbir urus Universiti Teknologi MARA melalui sepuluh (10) bidang teras Pengurusan Universiti iaitu :-



## 10. PENDEKATAN PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO), UiTM

Pelan Integriti Organisasi (PIO), UiTM digubal untuk membina budaya integriti di UiTM dan dijadikan dokumen rujukan utama dalam melaksanakan aktiviti pengukuhan integriti berdasarkan kepada lima (5) pendekatan seperti berikut:

a. Pendidikan

Merancang, membangun, dan melaksanakan program integriti bersepadu untuk mendidik serta mempertingkatkan pengetahuan, kesedaran dan komitmen warga UiTM terhadap integriti.

b. Penambahbaikan

Menambahbaik dan memastikan pematuhan kepada proses kerja, sistem, kod etika, kod perilaku, dan piagam pelanggan dalam proses penambahbaikan individu dan organisasi yang boleh memberi kesan kepada integriti UiTM.

c. Pencegahan

Mengesan dan mengenalpasti kelemahan dalam amalan, sistem dan prosedur, proses kerja dan penguatkuasaan yang berterusan untuk mempertingkatkan tahap kecekapan bagi menghapuskan peluang-peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

d. Tindakan Pengesahan dan Pemulihan

Mempertingkatkan keupayaan untuk mengesan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti yang boleh menjegas dan mencemar integriti UiTM.

e. Pengiktirafan dan Penghargaan

Memberi penghargaan dan ganjaran yang setimpal kepada staf yang diiktiraf berintegriti, serta staf dan pemberi maklumat yang melaporkan rasuah, penyelewengan dan juga salah laku kepada pihak pengurusan atau pihak berkuasa.



pelan Integriti organisasi

## 11. STRATEGI PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO), UiTM

Pendekatan	Objektif	Strategi
Pendidikan 01	Merancang, membangun, dan melaksanakan program integriti bersepada untuk mendidik serta mempertingkatkan pengetahuan, kesedaran dan komitmen warga UiTM terhadap integriti.	<p>Memantapkan keberkesanan tadbir urus dalam sistem penyampaian;</p> <p>Memberi kesedaran terhadap Undang-undang dan Peraturan agar ia dipatuhi;</p> <p>Mempertingkatkan integriti dan nilai-nilai murni bagi memupuk budaya berintegriti;</p> <p>Mempertingkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam mewujudkan kesedaran integriti dalam kalangan warga UiTM; dan</p> <p>Menghapuskan ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan salah laku.</p>
Penambahbaikan 02	Menambahbaik dan memastikan pematuhan kepada proses kerja, sistem, kod etika, kod perilaku, dan piagam pelanggan dalam proses penambahbaikan individu dan organisasi yang boleh memberi kesan kepada integriti UiTM.	<p>Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan sokongan;</p> <p>Mempertingkatkan penilaian (Due Diligence) terhadap aktiviti penyampaian perkhidmatan;</p>
Pencegahan 03	Mengesan dan mengenalpasti kelemahan dalam amalan, sistem dan prosedur, proses kerja dan penguatkuasaan yang berterusan untuk mempertingkatkan tahap kecekapan bagi menghapuskan peluang-peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	<p>Mencegah percanggahan kepentingan dalam semua bentuk urusan;</p> <p>Mewujudkan sistem pemantauan dan pelaporan yang efektif dalam menangani isu dan kemungkiran;</p> <p>Melaksanakan sepenuhnya surat aku janji (integrity pact); dan</p> <p>Mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.</p>



Tindakan Pengesanan dan Pemulihan 04	Mempertingkatkan keupayaan untuk mengesan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti yang boleh menjelaskan dan mencemar integriti UiTM.	Kaedah yang berkesan untuk mengesan salah laku dan mengambil tindakan terhadapnya; dan  Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan.
Pengiktirafan dan Penghargaan 05	Memberi penghargaan dan ganjaran yang setimpal kepada staf yang diiktiraf berintegriti, serta staf dan pemberi maklumat yang melaporkan rasuah, penyelewengan dan juga salah laku kepada pihak pengurusan atau pihak berkuasa.	Ganjaran terhadap pelaporan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku; dan  Ganjaran kepada warga UiTM yang diiktiraf berintegriti.

## 9. RUMUSAN

Pencapaian pelbagai objektif dalam rancangan ini bergantung kepada sokongan semua warga Universiti Teknologi MARA. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan ini ialah komitmen kepimpinan, dasar-dasar yang kuat, keberkesanannya komunikasi dan kemampuan sumber. Semua pemimpin di setiap Jabatan/Bahagian/Unit hendaklah berpegang teguh kepada prinsip-prinsip keterbukaan, integriti dan kejujuran, mahir, kebebasan melalui tanggungjawab dan saling menghormati dalam mengerakkan dan memberi inspirasi kepada warga Jabatan/Bahagian/Unit ke arah merealisasikan objektif Pelan Integriti Organisasi (PIO), UiTM.

Komunikasi adalah salah satu strategi yang berkesan untuk menyebarluaskan integriti dalam semua aktiviti organisasi. Asas integriti hanya boleh dibentuk melalui budaya organisasi jika diterapkan dengan cara yang betul dan tepat kepada semua warga Universiti Teknologi MARA .

Oleh itu, Pelan Integriti Organisasi (PIO) hendaklah menjadi pemangkin bagi merealisasikan matlamat untuk meningkatkan integriti ke arah kecemerlangan Universiti Teknologi MARA.

Dalam merealisasikan hasrat ini, Unit Integriti, Universiti Teknologi MARA akan bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan lain-lain agensi yang berkaitan dalam membudayakan integriti sebagai satu budaya untuk diaplikasikan oleh semua warga Universiti Teknologi MARA.



pelan Integriti organisasi

## PENDEKATAN

Pendidikan 01



## Lampiran 1 AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

### Pendekatan: PENDIDIKAN

Strategi: 1. Mengenalpasti aktiviti integriti bagi bidang-bidang teras universiti untuk keberkesanan tadbir urus yang baik

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Menyediakan perancangan program latihan berkaitan integriti mengikut bidang teras universiti seperti :	Mewujudkan kesedaran dan penghayatan tentang kepentingan integriti dalam penyampaian perkhidmatan.	Berterusan	Semua staf/ Pelajar UiTM	BGSU HEA JPSM/JPbSM/ ILQaM Bendahari BHEP CSPI Info Tech Pembangunan/ Fasiliti/ InfoTech Pusat Kesihatan/ BPKS HEA / RMI/ CSPI	Unit Integriti
	Pengurusan Governan					
	Pengurusan Akademik					
	Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia					
	Pengurusan Kewangan					
	Pengurusan Hal Ehwal Pelajar					
	Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi					
	Pengurusan Teknologi Maklumat ICT					
	Pengurusan Pembangunan/ Fasiliti/Teknikal					
	Pengurusan Kesihatan dan Perubatan					
	Pengurusan Makmal					



pelan Integriti organisasi

2.	Menganjurkan Bulan Integriti; • Ceramah • Perandingan menulis esei integriti • Peraduan lain yang sesuai • Pameran • Anugerah • Perkongsian ilmu	Memupuk budaya kerja berintegriti di kalangan warga.	Berterusan	Semua staf UiTM	Unit Integriti/ ACIS/PTJ	Unit Integriti
3.	Memperbanyak program pembangunan rohani melalui tazkirah jumaat/ khutbah jumaat berkaitan integriti/ tazkirah yang tersusun.	Meningkatkan kesedaran dan penghayatan nilai-nilai murni kepada seluruh warga UiTM.	Berterusan	Semua staf UiTM	Ketua PTJ	Unit Integriti

**Strategi: 2. Memberi kesedaran terhadap pematuhan kepada Undang-undang dan Peraturan agar ia dipatuhi.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Menyebarluas peraturan dan prosedur agensi pusat universiti	Menjelaskan peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa untuk perlaksanaan berkesan	Berterusan	Semua staf UiTM	Semua PTJ yang menggubal dasar	Unit Integriti
2.	Mewujudkan garis panduan pelaksanaan dasar	Menjelaskan peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa untuk perlaksanaan berkesan	Berterusan	Semua staf UiTM	Semua PTJ yang menggubal dasar	Unit Integriti
3.	Memberi taklimat kepada warga	Menjelaskan peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa untuk perlaksanaan berkesan	Berterusan	Semua staf UiTM	Semua PTJ yang menggubal dasar	Unit Integriti



pelan Integriti organisasi

4.	Melaporkan jenis-jenis salah laku, hukuman serta bilangan kes yang dikemaskini secara berkala	Menimbulkan kesedaran dan mencegah warga UiTM daripada melakukan rasuh ketara dan tak ketara	Berterusan	Semua warga UiTM	Semua PTJ yang menggubal dasar	Unit Integriti
5.	Menyediakan program latihan yang boleh melahirkan graduan berkualiti dan berintegriti	Mengukuhkan integriti pelajar dalam setiap aspek kehidupan seperti pemikiran, pencakapan dan aktiviti pembelajaran	Berterusan	Semua pelajar UiTM	HEA/HEP	Unit Integriti
6.	Menanam nilai-nilai Integriti akademik di kalangan pelajar UiTM	Memastikan pelajar tidak melakukan pelakuan yang tidak berintegriti seperti meniru dalam peperiksaan serta melakukan plagiat (jenayah akademik) dalam tugas akademik	Berterusan	Semua pelajar UiTM	HEA/InQKA/ HEP	Unit Integriti



pelan Integriti organisasi

**Strategi: 3. Memupuk kesedaran terhadap integriti dan nilai-nilai etika untuk menerapkan budaya kerja berintegriti.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Mewujudkan saluran aduan yang selamat dan 'secured' bagi membolehkan penyaluran maklumat salah laku integriti dilakukan dengan sewajarnya	Menerapkan budaya kerja-kerja integriti di seluruh sistem	Berterusan	Semua warga	Unit Integriti	Unit Integriti
2.	Melaksanakan kursus intensif integriti kepada pengurusan kanan dan ketua PTJ	Memastikan budaya integriti bermula daripada pengurusan tertinggi universiti sehingga staf pelaksana supaya pembudayaan dapat dilaksanakan secara komprehensif.	1 kali setahun	Pengurusan tertinggi dan Kanan dan Ketua PTJ	Unit Integriti/JPbSM/IIQAM	Unit Integriti
3.	Memulakan mesyuarat utama jabatan/bahagian/unit dengan perkongsian mengenai integriti	Meningkatkan kesedaran berkenaan integriti	Berterusan	Semua Ketua PTJ	Semua Ketua PTJ	Unit Integriti



**Strategi: 4. Menginstitusikan amalan integriti dan meningkatkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Mempromosikan konsep paradigma tauhid dalam melaksanakan amanah kerja	Meningkatkan kebertanggungjawaban dan sifat amanah terhadap tugas yang diberikan	Berterusan	Semua warga	ACIS	Unit Integriti
2.	Mewujudkan kumpulan perkongsian pintar (SIG) untuk mengupas kefahaman paradigma tauhid melalui program terancang.	Supaya staf boleh menghubungkaitkan konsep paradigma tauhid dengan amanah tugas	Berterusan	Semua warga (Jabatan/Bahagian/Unit)	Ketua PTJ	Unit Integriti
3.	Menyediakan pelaporan pelaksanaan SIG-PT kepada Unit Integriti.	Memastikan pelaksanaan perkongsian SIG dilakukan secara berkesan	Berterusan	Semua warga	Ketua PTJ	Unit Integriti

pelan Integriti organisasi

## PENDEKATAN

### Penambahbaikan 02



### Pendekatan: PENAMBAHBAIKAN

**Strategi: 1. Merangka aktiviti pelaporan yang lebih komprehensif bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan tugas.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Menyediakan Prosedur Operasi Standard pelaporan dan tindakan pembetulan bagi mengelakkan kesilapan berulang.	Memastikan integriti dan nilai etika diberi keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan	April 2015 – Disember 2015	Semua warga	Ketua PTJ berkaitan	Unit Integriti
2.	Menyediakan dan menghantar Garis Panduan pelaporan aktiviti utama secara berkala kepada pengurusan universiti Contoh: Laporan PIN, laporan PPSM, minit-minit temu duga.	Memastikan integriti dan nilai etika diberi keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan	Berterusan	Semua warga	Ketua Pentadbiran PTJ	Unit Integriti

**Strategi: 2. Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan universiti.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Memantapkan fungsi "One Stop Centre" kepada pelanggan untuk urusan aduan dan maklum balas.	Untuk memastikan ketelusan dalam organisasi	Berterusan	Semua Staf	Jabatan Komunikasi Korporat	Naib Canselor




pelan Integriti organisasi

2.	Memperbanyakkan sistem automasi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.	Mengurangkan unsur budi bicara dan menutup ruang dan peluang untuk menyalahguna kuasa dan rasuah dalam penyampaian perkhidmatan dan membuat keputusan.	Berterusan	Semua staf	PTJ masing-masing.	PTJ masing-masing.
3.	Mewujudkan Portal Integriti dalam Laman Web Universiti	Memudahkan aduan dibuat	Jun – Dis 2015	Staf, Pelajar dan orang awam	InfoTech	Unit Integriti

**Strategi: 3. Mempertingkatkan penilaian pentaksiran terhadap aktiviti penyampaian perkhidmatan.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Melaksanaan QMS dan audit secara dalaman tanpa perlu melibatkan pihak ketiga untuk tujuan pensijilan (In House QMS Code Of Practice)	Meningkatkan Pemantauan/pematuhan. Menilai keberkesanan nilai peribadi dan nilai organisasi	Setiap tahun	Semua Staf	ACIS/Unit Integriti/JK PIN	Unit Integriti



## PENDEKATAN

### Pencegahan 03

pelan Integriti organisasi

Pendekatan: PENCEGAHAN

**Strategi: 1. Mencegah percanggahan kepentingan dalam semua bentuk urusan.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Menguatkuasakan prosedur kawalan aset	Mengelakkan penyalahgunaan aset untuk kepentingan peribadi	Berterusan	Semua pemegang taruh	Semua PTJ	Naib Canselor
2.	Menggunakan aset secara gunasama (Makmal, Peralatan, ruang dan lain-lain)	Mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber universiti	Berterusan	Semua pemegang taruh	Semua PTJ	Naib Canselor
3.	Mengimplementasikan management tools (SPQ, 5s,KIK dan lain) yang berkaitan di tempat kerja	Untuk mewujudkan pengurusan tempat kerja yang baik dan sistematisik	Berterusan	Semua pemegang taruh	Ketua JPSM	Naib Canselor
4.	Penguatkuasaan "No Gift Policy"	Untuk mengelakkan rasuah, penyalahgunaan kuasa, salah laku dan pilih kasih.	Berterusan	Semua pemegang taruh	Semua PTJ	Naib Canselor
5	Melaksanaan sistem pusingan kerja yang berstruktur dan berkesan	Pencegahan bagi mengelak dari berlakunya salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah .	Setiap 3 - 5 tahun	Staf yang bertugas di jabatan atau yang mengendalikan bidang tugas yang berisiko.	JPSM	JPSM
6	Mewajibkan pengisyiharan kepentingan bagi aktiviti yang melibatkan dasar dan peraturan. Cth : Integriti Pack atau Peraturan Akta Rahsia Rasmi.	Ketelusan dalam perkhidmatan	Setiap aktiviti yang berkaitan	Semua staf	Semua PTJ	Unit Integriti



**Strategi: 2. Memantapkan sistem pemantauan dan pelaporan yang efektif.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Memantapkan proses Pengisyiharan secara berkala harta dan liabiliti staf untuk tujuan pelaporan yang berkesan	Untuk memastikan kejujuran dan ketelusan <i>di</i> kalangan staf disamping memudahkan urusan pemantauan aset dan liabiliti staf.	Berterusan	Mengikut polisi /Garis panduan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dan Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000(Akta 605)	Unit Integriti	Naib Canselor
2.	Menyebarluas maklumat berkaitan dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	Untuk meningkatkan kesedaran terhadap akta yang berkuatkuasa mengenai perlindungan yang boleh diperolehi oleh pemberi maklumat. Menghapuskan budaya surat layang.	Berterusan	Semua kategori staf	Unit Integriti UiTM	Naib Canselor
3.	Menyebarluas maklumat berkaitan dengan Akta Perlindungan Saksi 2009	Untuk meningkatkan kesedaran terhadap akta yang berkuatkuasa mengenai perlindungan yang boleh diperolehi oleh saksi bagi setiap kes yang berjalan.	Berterusan	Semua kategori staf	Unit Integriti UiTM	Naib Canselor
4.	Memantapkan kaedah pengesahan aktiviti plagiarisme di kalangan warga UiTM	Untuk menghapuskan salah laku plagiarisme	Berterusan	Semua warga	InQKA	Naib Canselor



pelan Integriti organisasi

Strategi: 3. Melaksanakan tuntutan dalam “integrity pact”.

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Memasukkan elemen-elemen integriti dalam pelaksanaan kontrak, perjanjian dan semua bentuk dokumen universiti	Untuk memupuk budaya integriti	Berterusan	Semua warga	Bendahari/ PTJ	Unit Integriti dan Pejabat Penasihat Undang-undang
2.	Memberikan latihan kepada staf dan pelajar untuk meningkatkan etika dan integriti	Memupuk kesedaran terhadap integriti di kalangan staf dan pelajar	Berterusan	Semua warga	Ketua JPbSM TNC (HEP)	Naib Canselor/ Unit Integriti
3.	Membuat pemantauan mengenai undang-undang dan peraturan berkaitan integriti	Pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang.  Memberi penjelasan implikasi jika tidak mematuhi peraturan dan undang-undang.	Berterusan	Semua warga	PTJ	Unit Integriti/ Audit Dalam



## PENDEKATAN

### Tindakan Pengesahan dan Pemulihan

pelan Integriti organisasi

### **Pendekatan: TINDAKAN PENGESANAN DAN PEMULIHAN**

**Strategi: 1. Pelaksanaan kaedah yang berkesan untuk mengesan salah laku dan mengambil tindakan terhadapnya.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Kempen aduan : Ethical & Safe Whistle Blowing	Meningkatkan aduan yang sah Meningkatkan keyakinan Pengadu	Berterusan	Semua Warga	Unit Integriti	Unit Integriti
2.	Pelantikan Pegawai Integriti Bertauliah Cawangan (CEO)	Memantau Pelaksanaan Program Integriti di PTJ dan mengesan salah laku	Selari dengan PIO	Semua PTJ	Ketua Jabatan	Unit Integriti
3.	Pemeriksaan/ Audit Mengejut	Memantau Aktiviti berisiko	2 kali setahun	Semua PTJ	Unit Integriti/ Audit Dalam	Unit Integriti
4.	Integrity Testing	Mengenalpasti potensi perbuatan rasuah dan perbuatan yang tidak berintegriti	Dari semasa ke semasa	PTJ berisiko tinggi	Unit Integriti	Naib Canselor
5.	Penilaian Luar	Memastikan pematuhan kepada COPIA	1 kali	Semua Pusat Akademik	InQKA	Senat/ HEA
6.	Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (ProPens)	Memastikan pensyarah sentiasa mematuhi etika dalam aktiviti P&P	Setiap semester	Staf Akademik	Pusat Akademik / Kampus	HEA
7.	Student Feedback Online (SuFO)	Mendapatkan maklumbalas pelajar terhadap pensyarah untuk dirancang tindakan penambahbaikan.	Setiap semester	Staf Akademik	i-Learn	HEA



8.	Penilaian Prestasi tahunan LNPT	Memastikan keputusan tatatertib / penemuan audit / keputusan tindakan surcaj diambilkira dalam penilaian prestasi tahunan staf	Sekali setahun	Ketua PTJ	Semua PTJ	JPSM
9.	Tapisan Kes Tatatertib bagi permohonan Kenaikan Pangkat/ Biasiswa/CTG/ Pencen/Bersara pilihan	Memastikan keputusan tatatertib diambilkira dalam proses permohonan kenaikan Pangkat/ Biasiswa/CTG/ Pencen/Bersara pilihan	Berterusan	Ketua PTJ	PTJ berkenaan	Unit Integriti

### Strategi: 2. Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan.

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Kaunseling	Memberikan kesedaran dan pemulihan kepada klien yang terlibat supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama	Mengikut keperluan	Staf terlibat	Bhg Perkhidmatan Psikologi	Pendaftar/ Unit Integriti
2.	Latihan berkaitan pemulihan cara kerja, nilai dan etika	Memberikan kesedaran dan pendidikan	Mengikut keperluan	Staf terlibat	Ketua PTJ	Pendaftar/ Unit Integriti
3.	Pelaksanaan Penjadualan pusingan kerja yang tepat dan dilaksanakan seperti mana ditetapkan	Mengurangkan risiko salah laku integriti	Mengikut keperluan	Staf terlibat	Ketua PTJ	Pendaftar/ Unit Integriti
4.	Penyeliaan Rapi Pegawai Atasan (Mentoring) terhadap staf bermasalah	Memulihkan prestasi, nilai dan etika kerja staf yang bermasalah	Mengikut keperluan	Staf terlibat	Ketua PTJ	Pendaftar/ Unit Integriti



pelan Integriti organisasi

## PENDEKATAN

Pengiktirafan Dan Penghargaan 05



### Pendekatan: PENGIFTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

**Strategi: 1. Ganjaran atas pelaporan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Mewujudkan polisi penghargaan untuk pelaporan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa	Untuk menggalakkan dan mengiktiraf ketulusan tadbir urus di dalam jabatan	Berterusan	Semua kategori staf	Unit Integriti UiTM	Naib Canselor
2.	Ganjaran pelaporan kes. (Cth: Bentuk kewangan, sijil dan lain-lain)	Untuk memberikan galakkan dan insentif kepada staf yang membuat pelaporan kes berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku	Berterusan	Semua kategori staf	Unit Integriti UiTM	Naib Canselor

**Strategi: 2. Ganjaran kepada warga UiTM yang diiktiraf berintegriti.**

Bil	Aktiviti	Objektif	Tempoh Masa	Kumpulan Sasaran	PTJ	Seliaan
1.	Pekerja Contoh Bulanan Bahagian/Unit	Memberi pengiktirafan kepada staf yang komited, inovatif, kreatif, berprestasi tinggi dan berintegriti secara berterusan	Bulanan	Semua kategori staf	Ketua Bahagian	Unit Integriti/ JPSM/ Semua Jabatan
2.	Anugerah Tahunan Pejabat Berintegriti	Untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Jabatan	Tahunan	Semua Jabatan	ACIS	Unit Integriti
3.	Pekerja Contoh Tahunan Jabatan	Memberi pengiktirafan kepada staf yang komited, inovatif, kreatif, berprestasi tinggi dan berintegriti	Tahunan	Semua staf	PTJ	Pendaftar

pelan Integriti organisasi

<b>4.</b>	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	Memberi pengiktirafan kepada staf yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang.	Tahunan	Semua staf	JPSM	Pendaftar
<b>5.</b>	Pencalonan Penganugerahan pingat UiTM	Menyelaras dan mengesyorkan staf yang berkelayakan dan berintegriti tinggi untuk diperakukan penganugerahan pingat dalaman UiTM dengan Kuasa LPU	Tahunan	Semua staf	Jawatankuasa Penganugerahan Pingat	Unit Integriti/ JPSM
<b>6.</b>	Pencalonan Penganugerahan pingat/Darjah Kebesaran	Menyelaras dan mengesyorkan staf yang berkelayakan dan berintegriti tinggi untuk diperakukan penganugerahan pingat Darjah Kebesaran	Tahunan	Semua staf	Jawatankuasa Penganugerahan Pingat	Unit Integriti/ JPSM



pelan Integriti organisasi



pelan Integriti organisasi

## **PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Penasihat

**Y. BHG. TAN SRI DATO' SRI PROF IR DR  
SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc**

Ketua Editor

**DR HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**

Editor

**HAJI JAMALUDIN HAJI ARDANI  
ARMYN FAHMY MOHD FAHMY  
MOHAMMAD AZUWADI MOHD YASIN  
MOHD. HAFIZ RAMLEE**

Rekabentuk

**ROSDI ABDUL HAMID  
JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT**

Percetakan

**UNIT PERCETAKAN**

Diterbitkan oleh

**UNIT INTEGRITI**



## **PENGHARGAAN**

### **JAWATANKUASA TEKNIKAL PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

PROF DR HADARIAH BAHRON  
DR HAJAH ANIAH BAHAROM  
HAJAH HALIZA MAHAYUDDIN  
DR MOHD ANUAR MAZUKI  
FARIDAH TALIB  
SUHARA HAJI KAMARUDIN  
SR HAJAH ZURAIDA HAJI YAHYA  
HAJI SUBKHI SHAIEN  
HAJI MOHAMED SODER RAHMAD  
IR HAJI ISMAIL MOHD KASSIM  
ASIAH SALEH  
RIZADORA MUHAMAD ARSAD  
MIOR HISHAMUDDIN ARIFFIN  
AZLIAH OTHMAN



pelan Integriti organisasi

Pemilik	Ketua Unit Integriti		
No Telefon	03-55443031		
Kelulusan	Lembaga Pengarah UiTM		
Tarikh Semakan			
<b>SEJARAH SEMAKAN</b>			
Kategori Dokumen	Status Dokumen	Tarikh	Peringkat Kelulusan
Baru	Diperaku	24.9.22014	Jawatankuasa Eksekutif (JKE)
Baru	Diluluskan	18.2.22015	Lembaga Pengarah UiTM (LPU)





Diterbitkan oleh  
**UNIT INTEGRITI**  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam Selangor

**Konsep dan Rekabentuk**  
Jabatan Komunikasi Korporat  
Universiti Teknologi MARA